

Tinta Pengarang

2013

dilihat sebagai tahun untuk melihat hasil yang dituai oleh kerajaan kepada rakyat setelah menyemai benih selama lima tahun lalu. Mana tidaknya, rakyat akan memberi maklum balasnya melalui kertas undi di dalam pilihanraya umum ke 13 nanti. Semua sumbangan serta khidmat kerajaan kepada rakyat akan terjawab. Ada dua jawapan sahaja iaitu menerima atau menolak semua yang disediakan.

Dasar kerajaan amat jelas. Tradisi membela rakyat berkonsepkan **“Rakyat Di Dahulukan, Pencapaian Di Utamakan”** di dalam setiap dasar dan sistem penyampaian membuktikan bahawa rakyat adalah aset penting Negara. Kerajaan mempunyai tanggungjawab penuh untuk membela dan membangunkan rakyat.

Denyut nadi rakyat sentiasa didengar walaupun di mana mereka berada. Usaha memartabatkan rakyat sentiasa menjadi agenda utama kerajaan. Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) amat jelas dan benar-benar satu usaha yang membuahkan pulangan yang cukup efektif. Strategi lautan biru membantu memecahkan batas halangan yang selama ini memisahkan kelompok-kelompok dengan cara masing-masing. Ada perkara yang selama ini dilihat sebagai sesuatu yang mustahil kini menjadi satu realiti. Semuanya boleh berlaku jika kita mempunyai pandangan yang jauh dan berfikir di luar kotak .

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) era baharu dengan menekankan kepelbagaian dalam merangka aktiviti untuk golongan belia, Kita perlu bersikap dinamik dan inovatif untuk merangka sesuatu program. Kita tidak perlu takut untuk “lari” dari landasan lama jika ia tidak lagi mampu membawa generasi muda sehaluan dengan kerajaan. Pegawai Belia perlu kreatif dan cuba memperkenalkan sesuatu yang baharu. Jangan bersikap jumud dan terikat kepada aktiviti “rutin” yang akhirnya merugikan. Hiburan, sukan, kerohanian dan kemasayarakatan perlu diseimbangkan. Trend menarik minat anak muda dengan hiburan perlu dikurangkan dan menjadi tugas kita untuk cuba mencari pendekatan yang terbaik dan efektif.

SIDANG REDAKSI

Penaung

Y.Bhg. Datuk Jamil Bin Salleh
Ketua Setiausaha

Penasihat

Y.Bhg. Dato' Azhar Bin Mohamed Isa
Timbalan Ketua Setiausaha (Antarabangsa dan Pengurusan)

Ketua Pengarang

Puan Aziah Binti Ahmad
Ketua Komunikasi Korporat

Penolong Ketua Pengarang

Encik Nasrudin Bin H. Mahmud
Encik Idris Bin Husin

Pengarang

Encik Razali Bin Haji Mohamed Yassin

Penolong Pengarang

Cik Lizza Imelia M. Sulannah

Wartawan

Unit Komunikasi Korporat KBS dan Wakil Bahagian / Agensi

Fotografi

Unit Komunikasi Korporat KBS

BULETIN KBS mengalu-alukan apa juga bentuk artikel dari pembaca sama ada berbentuk kreatif atau sebarang bentuk penulisan yang boleh memberi pengetahuan, maklumat atau inspirasi dalam usaha untuk memantapkan Kementerian Belia Dan Sukan. Semua artikel hendaklah dialamatkan kepada:-

Pengarang

Buletin KBS
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Belia dan Sukan
Aras 8, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 PUTRAJAYA

Pengarang



KAYUHAN TONJOLKAN SEMANGAT PATRIOTIK RAKYAT MALAYSIA

PUTRAJAYA, 3 APRIL 2013 – Semangat patriotik yang ditonjolkan kira-kira 10,000 peserta dalam program Kayuhan Patriotik @ Putrajaya bersama Perdana Menteri memberi gambaran bahawa rakyat negara ini masih sayangkan keamanan dan menolak semua bentuk keganasan serta perbuatan yang boleh mengganggu gugat kestabilan negara.

Inisiatif yang dimulakan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan disokong Perbadanan Putrajaya serta pihak-pihak lain melaksanakan program kayuhan santai ini membolehkan pemimpin negara bersama-sama rakyat beriadah sambil menikmati keindahan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang perlu diterokai ramai.

Dua laluan disediakan bagi kayuhan ini iaitu sejauh 12.5 kilometer membabitkan orang kenamaan termasuk Perdana Menteri, Timbalannya serta menteri-menteri kabinet dan 22 kilometer bagi mereka yang gemarkan kepada cabaran.

Kayuhan yang mencatatkan rekod penyertaan yang paling ramai ini mula dirasai sejak awal pagi apabila peserta sama secara individu mahupun berkumpulan bagi membuat pendaftaran. Hujan lebat yang turun pada sebelah tengaharinya tidak menghalang peserta untuk terus berkumpul bagi memulakan kayuhan.

Pelepasan dilakukan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor. Suasana menjadi agak sesak apabila peserta mula berbaris untuk melalui laluan di pinggir tasik Putrajaya mengelilingi pulau yang membentuk sebahagian Bandar Putrajaya ini. Keindahan panorama dengan keindahan tasik, bangunan-bangunan pejabat serta kawasan perumahan yang tersusun menghilangkan rasa penat peserta.

Perdana Menteri dan semua peserta berjaya menamatkan kayuhan yang berakhir di hadapan Istana Kehakiman, Presint 3 di sini walaupun cuba menyembunyikan kepenatan dengan senyuman serta lamabaiannya kepada mereka yang berada di garisan penamat itu.

Konsep "Sihat dan Gergas" yang diterapkan melalui program ini bakal menjadikan sukan berbasikal sebagai pilihan terbaik untuk beriadah kerana ianya murah, mudah dan boleh melibatkan semua peringkat usia. Usaha Perbadanan Putrajaya menyediakan laluan basikal membolehkan peminat sukan berbasikal tempatan dan sekitar menjadikan bandar "Mesra Belia" ini sebagai destinasi pilihan utama untuk berkayuh sama ada secara individu mahupun berkumpulan.



PM DUA INISIATIF BAHARU BANTU RAKYAT

IPOH, 16 FEB 2013 - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam mengumumkan dua inisiatif kerajaan bagi meringankan beban mereka yang memerlukan serta membantu golongan muda memulakan perniagaan.

Inisiatif itu ialah pelaksanaan program Karisma Hati Rakyat di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat membabitkan peruntukan RM50 juta dan Dana Usahawan Muda yang juga berjumlah RM50 juta dikendalikan oleh SME Bank.

Di bawah program Karisma Hati Rakyat yang akan memberi faedah kepada 200,000 penerima, baucar RM200 akan diberikan kepada penerima di Semenanjung manakala RM300 untuk penerima di Sabah dan Sarawak secara one-off atau sekali sahaja.

"Baucar itu akan diberi kepada mereka yang layak iaitu yang memerlukan bantuan sekolah, barangan dapur serta keperluan khas seperti kerusi roda," kata Najib ketika melancarkan Pusat Transformasi Bandar (UTC) Perak di sini semalam.

Turut hadir Menteri Besar Perak, Datuk Seri Zambry Abd. Kadir; Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah dan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Kong Cho Ha.

Ia merupakan UTC ketiga selepas Melaka dan Kuala Lumpur yang menyediakan kemudahan pembayaran bil utiliti, saman, cukai selain Kedai Buku 1Malaysia dan Klinik 1Malaysia.

Perdana Menteri berkata, baucar tersebut perlu ditebus segera sebelum 31 Mac ini.

Mengenai Dana Usahawan Muda, Najib berkata, ia adalah untuk membantu golongan belia berumur 30 tahun ke bawah untuk memulakan perniagaan.

"Ini akan menjana lebih ramai usahawan berjaya dalam kalangan orang muda," katanya.



Semasa walkabout PM di sekitar UTC Ipoh beliau amat tertarik dengan sekeping gambar yang menunjuk beliau bersama pasukan pilihan beliau semasa menyandang portfolio Menteri Belia dan Sukan Malaysia. Ketika itu, pasukan pilihan beliau menentang pasukan pilihan negeri Perak yang diketuai oleh Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib pada tahun 1988 dengan keputusan seri 2-2 di Stadium Perak.

MALAYSIA-THAILAND TINGKAT KERJASAMA BANGUNKAN BELIA

PUTRAJAYA, 28 FEBRUARI 2013 – Malaysia dan Thailand meningkatkan kerjasama dua hala bagi membangunkan belia di kedua-dua dengan termeterainya Memorandum Persefahaman (MOU) yang terjalin antara kedua-dua negara yang dilihat begitu penting di peringkat global.

MOU yang berlangsung di Perdana Putra, disini itu telah di tandatangi oleh Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek bagi pihak Kerajaan Malaysia dan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Luar Thailand, Pol. Capt. Chalerm Ubumrungi bagi pihak negara tetangga itu.

Majlis tersebut disaksikan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak dan Perdana Menteri Thailand, H.E. Ms. Yingluck Shinawatra.

Dengan termeterainya memorandum tersebut, kedua-dua negara sepakat untuk bekerjasama dalam membangunkan bidang belia dan sukan agar perkongsian dua hala ini menampakkan impak yang positif. Selain bidang tersebut, memorandum ini juga dilihat akan mengukuhkan silaturahim dan semangat muhibah antara Malaysia dan Thailand dalam persediaan untuk membentuk Komuniti ASEAN pada tahun 2015.



PM LUANG MASA BERJALAN KAKI DI JOM CERIA

PUTRAJAYA, 24 Mac 2013 – Perdana Menteri, Dato' Sri Najib Tun Razak hari ini menyertai acara berjalan kaki bersama hampir 20,000 orang sejauh lima kilometer bagi menyebarkan mesej gaya hidup sihat bersempena program Jom Ceria anjuran Yayasan Rakyat 1Malaysia dan Perbadanan Putrajaya.

Acara yang turut disertai Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Tan Sri Dr. Aseh Che Mat serta beberapa selebriti tempatan dan wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dilepaskan oleh isteri Perdana Menteri, Datin Sri Rosmah Mansor.

Perdana Menteri dalam ucapannya menyeru rakyat supaya mengamalkan gaya hidup sihat bagi mengurangkan risiko menghadapi penyakit yang merbahaya. Tambahnya lagi, gaya hidup masyarakat masa kini dilihat kurang mengamalkan aktiviti bersukan mahupun riadah dalam kehidupan seharian kerana perubahan gaya hidup.

Beliau seterusnya menyeru kepada semua peserta program Jom Ceria dan juga seluruh rakyat Malaysia untuk meneruskan aktiviti sukan dan riadah bagi mendapatkan tubuh badan yang sihat.

Tambah beliau lagi, sikap bekerjasama dalam komuniti perlu sentiasa dilakukan walaupun niai individu juga perlu diambil berat. Hal ini kerana, beliau tidak mahu masyarakat yang bersikap individualistik kerana ia akan membawa kepada konsep keadaan yang ekstrem.

Individu seperti ini perlu dibangunkan potensi di dalam dirinya supaya mereka turut mengambil berat tanggungjawab terhadap komuniti dan pada masa yang sama merasakan bahawa mereka juga boleh menyumbang kepada bangsa dan negara," ujar Perdana Menteri.

Aktiviti Jom Ceria hari ini adalah lanjutan kepada aktiviti PPj yang sedia ada iaitu Langkah Ceria dan Kayuhan Ceria yang diadakan setiap Ahad ketiga dan keempat setiap bulan, bertujuan untuk memperlihatkan gaya hidup sihat dan menyatupadukan rakyat Malaysia berdasarkan falsafah 1Malaysia," ujar Presiden PPj, Tan Sri Dr. Aseh Bin Haji Che Mat.

Selain acara berjalan kaki, turut diadakan aktiviti berbasikal yang turut dimeriahkan dengan kehadiran bintang belia 1M4U seperti Altimet, Sazzy Falak, Pamela Chong, Vanessa Chong, Vince AF dan juga bintang sukan negara iaitu Khairul Fahmi Che Mat, Low Lee Wern dan Ong Beng Hee.



PM RASMI Y-CENTRE DI UTC PAHANG

KUANTAN, 11 APRIL 2013 – Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak hari ini merasmikan Youth Centre (Y- Centre) dengan memotong riben dan menandatangani plak sebagai simbolik perasmian pusat ini bersempena Majlis Perasmian Pusat Transformasi Bandar (UTC) Pahang di sini. Y-Centre ini yang diletakkan di bawah kelolaan Pejabat Belia dan Sukan Daerah Kuantan menjadi pemangkin yang berterusan bagi melahirkan rakyat yang mengamalkan gaya hidup yang sihat dan membudayakan kecergasan.

Perdana Menteri juga meluangkan masa melawat sekitar pejabat ini dan mencuba peralatan gimnasium serta mengambil peluang untuk mencuba sukan memanah.

Turut serta dalam lawatan ini, Menteri Besar, Dato' Sri Adnan Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Seri Ismail Sabri Yaacob dan Ketua Setiausaha Negara, Dato' Sri Dr. Ali Hamsa.

Pejabat Belia dan Sukan Daerah Kuantan yang menempatkan 'Indoor Archery' pertama di Pahang itu turut menempatkan gimnasium, bilik aerobik, bilik aktiviti belia dan juga permainan seperti karam, futsal, dart dengan mengenakan bayaran untuk menggunakan peralatan ini dengan kadar yang berpatutan.

TENGGU MAHKOTA PAHANG SEMPURNAKAN PERASMIAN IKBN TEMERLOH



TEMERLOH, 4 Mac 2013 – Kehadiran Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah bagi menyempurnakan Majlis Perasmian IKBN Temerloh menjadi satu sejarah yang bernilai bagi IKBN Temerloh.

Tengku Mahkota Pahang yang turut menyempurnakan Perasmian IKBN Temerloh dalam majlis tersebut bertitah, "Tahniah kepada KBS kerana membangunkan IKBN yang mempunyai pelbagai bidang didalamnya dan seterusnya melahirkan pelajar yang cemerlang termasuk daripada bidang automotif daripada IKBN Temerloh." Baginda juga berbangga kerana negeri Pahang memiliki dua buah Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) bagi meningkatkan kemahiran belia.

Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek turut berbangga dengan kehadiran Tengku Mahkota Pahang bagi perasmian majlis tersebut. Menurut beliau, IKBN Temerloh adalah yang pertama di negeri Pahang dengan memfokuskan kemahiran dalam bidang Automotif Penyelenggaraan, Automotif Pembuatan, Teknologi Foundri dan Teknologi pembungkusan.

"Bagi memastikan setiap minat dan potensi belia negara ini terus digilap, kerajaan telah membelanjakan berbillion ringgit membina seberapa banyak Institut Latihan Kemahiran dan lokasinya terletak bukan sahaja di bandar-bandar besar malah hingga ke kawasan luar bandar", ujar beliau.

Beliau turut menegaskan bahawa tidak ada seorang belia pun patut menafikan haknya untuk mendapat peluang belajar walaupun mereka gagal mendapat kecemerlangan dalam bidang akademik tetapi mereka boleh mencipta kecemerlangan dalam pelbagai bidang kemahiran.

Tambahan beliau, KBS lebih mengutamakan kemudahan yang dibina seperti ini dimanfaatkan terlebih dahulu kepada anak tempatan supaya latihan kemahiran ini akan memberi khidmat sokongan kepada industri automotif dan kejuruteraan yang sedang pesat berkembang di negara ini.

Hadir sama menyaksikan peristiwa bersejarah ini Ketua Setiausaha KBS, Dato' Mohid Mahamed, Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), Hajah Hatipah Ibrahim, Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Kemahiran, Haji Saari Salleh dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri di dalam daerah Temerloh.



KBS TINGGALKAN 2012 DENGAN KEJAYAAN

PUTRAJAYA, 7 Januari 2013 – Kementerian Belia dan Sukan (KBS) meninggalkan tahun 2012 dengan mengukir beberapa kejayaan hasil komitmen serta kerjasama semua warga kerjanya di sepanjang tahun lalu.

Menurut menterinya, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek berkata, kejayaan ini tidak akan terhasil tanpa adanya rasa tanggungjawab serta komitmen dari seluruh warga kerjanya sehingga KBS mampu meraih banyak kejayaan di tahun 2012.

Katanya, banyak lagi kejayaan yang berjaya dicipta oleh kementerian ini tetapi ianya tidak diketengah atau dilaporkan. KBS yang kini dianggap sebagai ' trend setter' oleh kementerian-kementerian atau agensi-agensi lain perlu mengekalkan prestasi serta pencapaian tersebut supaya imej dan nama kementerian ini sentiasa menjadi sebutan atau sebagai penanda aras kepada sesuatu perkara.

Sebagai contohnya katanya, kejayaan KBS mendapat tempat pertama dari antara kesemua kementerian dalam ujian menjawab panggilan telefon perlu dianggap sebagai satu kejayaan yang besar kerana pada kebiasaannya banyak aduan diterima adalah mengenai kegagalan atau kelewatan menjawab telefon, jawapan yang tidak memuaskan hati pemanggil dan sebagainya. Katanya, kejayaan KBS menjawab semua panggilan di dalam tempoh masa yang singkat menjadi satu kelebihan yang perlu menjadi kebanggaan semua warga kementerian ini.

Lebih membanggakan lagi apabila Portal Rasmi KBS berjaya mendapat penarafan lima bintang oleh Multimedia Development Corporation bagi kategori Malaysia Government Portals and Websites Assessment 2012. KBS turut mendapat pujian dari International Cycling Union (UCI) yang berpangkalan di Zurich, Switzerland di atas kejayaan menganjurkan perlumbaan basikal " Le Tour De Langkawi."

Lain-lain kejayaan yang diraih adalah johan keseluruhan peringkat kebangsaan di dalam pertandingan Educational Innovative motorsport and automotive race, anugerah cemerlang bagi kategori ladies-man hair dressing dalam pertandingan The 9 th Asean Skill Competition, penarafan cemerlang mengikut bidang di semua 20 IKBN/ IKTBN, anugerah empat bintang bagi kategori Anugerah Kecermelangan Pengurusan Kewangan, terbaik bagi pengurusan penyesuaian VOT mengurus tahun 2012, pingat perak bagi kategori Restaurant Services , pingat gangsa dalam kategori Batik sempena pertandingan Myskills peringkat kebangsaan, pengiktirafan Amalan Berkualiti Persekitaran Berkualiti Amalan 5S bagi semua IKBN dan IKTBN, pencapaian seratus peratus berkursus tujuh hari mengikut pelaksanaan dasar latihan sumber manusia dalam sektor awam (DLSMSA), mencatatkan rekod dalam menganjurkan acara terbesar Asia melalui Himpunan Jutaan Belia dengan mencatatkan kehadiran seramai 2.4 juta pengunjung dengan lebih 500 acara dalam tempoh lima hari.

Dato' Sri Ahmad Shabery berkata demikian di Majlis Perhimpunan Mesra Bulan Januari 2013 di Dewan Serbaguna Podium B, di sini hari ini. Perhimpunan yang dianjurkan Pendaftaran Pertubuhan Belia (ROY) dan Persuruhjaya Sukan (PJS) turut dihadiri kedua-dua Timbalan menteri dan Ketua Setiausaha KBS.



TITIAN KASIH RAKAM UCAPAN PENGHARGAAN

PUTRAJAYA, 11 APRIL 2013 : “ Bagi pihak seluruh warga KBS (kementerian Belia dan Sukan), saya mengucapkan jutaan terima kasih di atas segala sumbangan dan perkhidmatan yang telah dicurahkan sepanjang berkhidmat di Kementerian ini”, ujar, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Mohid Mohamed di Majlis Titian Kasih Bersama Pemimpin di Dewan Serba guna Menara KBS di sini hari ini.

“ Mereka bukan sahaja mesra rakyat, tetapi pengorbanan mereka kepada negara sangat luar biasa ”, tambahnya. Di majlis yang meraikan ketiga-tiga pemimpin Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Timbalan-timbalannya., Dato' Haji Razali Haji Ibrhamim,

Majlis Perhimpunan Khas ini diadakan bagi meraikan ketiga-tiga pemimpin ini yang menamatkan penggal perkhidmatan sebagai Menteri dan Timbalan Menteri sejourus pengumuman. Perdana Menteri mengenai pembubaran Dewan Rakyat pada 3 April lalu.

Dato' Mohid menambah, “ Transformasi sambutan Hari Belia Negara telah menjadi penanda aras dan menjadi contoh kepada Kementerian-kementerian lain dalam mengadakan sebarang penganjuran”, katanya.

Suasana menjadi hiba dalam majlis ini apabila para hadirin dipertontonkan dengan tayangan video ketiga-tiga pemimpin ini dari hari pertama mereka melangkah kaki ke KBS sehinggalah menuju hari-hari terakhir mereka di sini.

Menurut Dato' Sri Ahmad Shabery, beliau berkata inilah saat yang paling indah bagi beliau dan beliau juga berpesan agar apa-apa pun terjadi antara kita, kita semua tetap kawan.

Beliau juga menambah, “ Apabila saya sampai di kementerian ini, saya rasa sangat aktif dan energetik memandangkan saya berkhidmat dengan para belia dan sportsmen ”. Sepanjang perkhidmatan beliau di KBS, beliau selalu mengingatkan para kakitangan KBS agar sentiasa cergas dan oleh kerana itu berbagai aktiviti dianjurkan selepas waktu bekerja antaranya Kayuhan Cergas pada setiap hari Rabu yang beliau sendiri sertai bersama-sama pegawai dan kakitangan KBS yang lain.



“ Dan kepada semua warga KBS, anda merupakan warga kerja yang paling ceria sekali dan kekalkanlah sikap seperti ini”, pesan beliau.

Di akhir majlis ini, para hadirin mengambil peluang bersalam-salaman bersama ketiga-tiga pemimpin ini dan mendoakan agar mereka sentiasa berjaya bukan sahaja sebagai ahli politik malah sebagai pemimpin yang berdedikasi.





SELIDIK DAHULU SEBELUM MENGKRITIK ORANG LAIN

PUTRAJAYA, 8 FEBRUARI 2013 – Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek mengingatkan warga Kementerian Belia dan Sukan (KBS) supaya memahami serta menghayati sesuatu perkara itu sebelum mengkritik atau memberi komen mengenai perkara itu.

Katanya, budaya serkap jarang atau komen yang membuta tuli akan menjadikan sesuatu isu bertambah kusut di samping menunjukkan kelemahan kita sendiri tentang isu-isu semasa.

“ Kita mesti faham dan tahu tentang sesuatu isu itu dan tidak sekadar menggeleng kepala atau mengangkat bahu tanda tidak tahu. Apa yang paling malang, ada diantara kita yang mahu memberikan komen tetapi tidak tahu secara mendalam tentang perkara yang dibincangkan itu. Ia akan menjadikan sesuatu isu itu bertambah kusut dan menunjukkan kelemahan kita sendiri,” ujarnya pada Majlis Perhimpunan Mesra KBS Bulan Februari di Dewan Serbaguna Menara KBS di sini hari ini.

Warga KBS juga perlu tahu membezakan diantara perkara buruk atau baik dan tidak mudah terjebak dengan perkara yang ternyata buruk. Ibarat pepatah barat yang berbunyi, “ Don't eat the shit, if you know it is the shit (jangan makan najis jika kita tahu ia memang najis,”.

Perhimpunan kali ini dianjurkan Bahagian Pembangunan Kemahiran (BPK) dengan menampilkan konsep sambutan Tahun Baru Cina. Dewan yang dihiasi dengan warna merah mencerminkan keceriaan dan perpaduan masyarakat majmuk di negara ini .

Dato' Sri Ahmad Shabery juga memuji kesungguhan serta komitmen warga KBS dalam melaksanakan sesuatu tugas sehingga meletakkan kementerian ini sebagai ' trend setter' kepada kementerian atau agensi yang lain dalam penganjuran sesuatu aktiviti.

Katanya, pengiktirafan ini terhasil dengan wujudnya kerjasama berpasukan yang mantap dari semua peringkat pegawai dan kakitangan disamping meletakkan tugas sebagai keutamaan



KBS TERUS JADI “ TREND SETTER ”

PUTRAJAYA, 11 APRIL 2013 – Warga kementerian Belia dan Sukan (KBS) dipelawa untuk bersama-sama menjadi kementerian ini sebagai ' trend setter' kepada lain-lain kementerian atau agensi dalam penganjuran acara dan aktiviti-aktiviti yang boleh memberi impak besar kepada rakyat khususnya buat golongan muda.

Menterinya, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek berkata, kekuatan KBS ialah terletak kepada semangat kerja berpasukan dan kesungguhan dalam melaksanakan sesuatu tugas dan mengetepikan istilah mustahil untuk mencapai objektif.

Katanya, pelaksanaan Sambutan Hari Belia yang sebelum ini dilihat sebagai acara sambutan tahunan yang berbentuk stereotype, namun sejak tiga tahun kebelakangan ini pelaksanaannya dibuat secara besar-besaran dengan memperkenalkan pendekatan yang lebih mesra belia.

“ KBS telah berjaya meletakkan dirinya di kedudukan yang kini dilihat sebagai amat penting dan menjadi penanda aras kepada penganjuran sesuatu aktiviti atau program.KBS juga menjadi trend setter yang akhirnya menjadi ikutan pihak-pihak lain, “ katanya di Majlis Titian Kasih Bersama Pemimpin di Dewan Serbaguna Podium B, Menara KBS di sini hari ini.

Majlis perhimpunan yang dihadiri kira-kira 500 warga KBS ini turut dihadiri kedua-dua Timbalan Menteri Belia dan Sukan.

Dato' Sri Ahmad Shabery juga mahukan agar sokongan dan kerjasama yang diberikan kepada beliau serta kedua-dua timbalannya diteruskan supaya momentum yang dibentuk selama ini akan terus konsisten dan berjaya mencapai objektifnya.

Terdahulu, Ketua Setiausaha KBS, Dato' Mohid Mohamed di dalam ucapannya berterima kasih kepada segala usaha ketiga-tiga pemimpin itu di atas sumbangan dan komitmen dalam membangunkan sukan, belia dan kemahiran yang dilihat sebagai satu transformasi untuk mengupayakan modal insan yang berkualiti dan berdaya saing.

SEJUTA SUKARELAWAN SEMPENA TAHUN SUKARELAWAN NEGARA 2013

PULAU PINANG, 11 JANUARI 2013 - Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan menjadi penggerak gelombang kesukarelawan di negara ini dengan meletakkan sasaran sekurang-kurangnya sejuta sukarelawan berdaftar menjelang akhir dalam usaha menjadikan kerja-kerja kesukarelawan sebahagian budaya rakyat negara ini.

Usaha yang bertepatan dengan sambutan Tahun Kesukarelawan Negara 2013 itu akan menyaksikan gerakan kesukarelawan yang berfungsi secara sendirinya tanpa menunggu arahan pihak atasan jika berlaku sesuatu bencana.

Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek berkata, semangat kesukarelaan ini tidak terhad kepada satu-satu kumpulan atau usia malah ia melibatkan semua pihak. Masyarakat khususnya belia menurutnya, perlu sentiasa berada di dalam keadaan siap siaga untuk digembleng atau digerakkan sekiranya berlaku sesuatunya pada bila-bila masa.

"Malaysia perlu mencontohi Australia dalam lapangan kesukarelaan ini apabila Berjaya berada di tangga pertama mengikut Indeks memberi Dunia (WGD) bagi mengukur kemajuan sesebuah negara. Negara ini mencatatkan seramai lima juta penduduk yang berdaftar sebagai sukarelawan dengan sebahagian besarnya terdiri dari golongan belia yang telah mencatatkan kira-kira 700 juta jam kerja-kerja sukarela pada tahun lalu," ujarnya ketika berucap merasmikan Bangunan Baharu Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang di sini pagi ini.

"KBS telah menggerakkan sukarelawan belia untuk membantu mangsa-mangsa banjir di negeri-negeri pantai timur baru-baru ini dan pengalaman ini memberi pengajaran bahawa kita perlu sentiasa peka terhadap persekitaran," tegasnya.

Bangunan baharu setinggi tiga tingkat yang berharga RM 5.1 juta itu menempatkan Ibu pejabat Jabatan Belia dan Sukan Negeri dan Pejabat-pejabat Belia dan Sukan Daerah Timur Laut dan Barat Daya. Bangunan yang menjadi mercu tanda dan lambing pengiktirafan kerajaan kepada golongan belia negeri ini diletakkan di dalam kawasan Kompleks Belia dan Sukan yang menyediakan pelbagai kemudahan sukan dan riadah untuk semua lapisan masyarakat di negeri itu.

Bangunan baharu ini yang telah beroperasi sejak dua tahun lalu memberi keselesaan serta kondusif akan menjadi mercu tanda baharu kepada pembangunan belia di negeri ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KBS, Dato' Zaidon Haji Asmuni, Ketua Pengarah JBSN, Hajah Hatipah Haji Ibrahim, Pengarah JBSN Pulau Pinang, Zakaria Kasa, dan beberapa pemimpin politik tempatan.

Majlis yang dihadiri lebih 2,000 tetamu yang rata-rata belia dipenuhi dengan pelbagai aktiviti interaktif seperti memanah, memanjat dinding tiruan, senamrobik, pertandingan bina badan dan pameran dari agensi-agensi kerajaan di negeri itu.



PM TERHARU MELIHAT SEMANGAT BELIA

AMPANG, 24 Mac 2013 – Perdana Menteri, Dato' Sri Najib Tun Razak meluangkan masa bersantai bersama kira-kira 30,000 golongan belia yang hadir menyaksikan konsert sempena Astro Fiesta Mesra Belia 1Malaysia Pandan di Tesco Ampang hari ini.

Karnival Astro Fiesta Mesra Belia 1Malaysia Pandan anjuran Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Persatuan Belia dan Beliawanis Pandan, Astro dan Tesco ini berlangsung selama tiga hari bermula 22 hingga 24 Mac 2013 yang berkonsepkan aktiviti sukan, kesihatan dan kebudayaan.

Program ini diadakan bertujuan untuk mendekati seberapa ramai masyarakat terutama golongan belia dengan pemimpin-pemimpin masyarakat setempat melalui aktiviti-aktiviti yang diadakan tanpa mengira peringkat umur mahupun kaum.

Perdana Menteri dalam ucapannya merakamkan penghargaan beliau dengan semangat dan perasaan setia kepada negara yang ditunjukkan rakyat terutama golongan belia menerusi konsert yang diadakan bertujuan menghargai jasa anggota keselamatan dalam mempertahankan kedaulatan negara di samping kutipan derma yang diadakan untuk tabung sumbangan Lahad Datu.

"Saya terharu dengan kehadiran anda semua dan sambutan luar biasa pada konsert hari ini," ujar beliau yang juga mahukan keamanan dan semangat sebegini terus dikekalkan.

Pada konsert tersebut, Perdana Menteri turut menyanyikan beberapa buah lagu patriotik bersama barisan artis seperti Terima Kasih, Barisan Kita dan 1M4U.

Hadir sama, Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Ahli Parlimen Pandan, Dato' Sri Ong Tee Keat dan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Mohid Bin Mohamed.

Manakala barisan artis yang membuat persembahan pada malam itu ialah, Awie, Dato' DJ Dave, Dato' Hattan, Jay Jay dan Black.Mentor.



KBS TERAP ELEMEN PENGUKUHAN SAHSIAH DALAM SETIAP KURSUS

IPOH, 7 April 2013 – Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menitikberatkan pembangunan kompetensi dan potensi pegawai-pegawainya agar mampu menghadapi situasi alam pekerjaan serta menggalas amanah yang dipikul dalam usaha membangunkan belia di negara ini.

Tiga elemen yang diberikan keutamaan dalam setiap kursus yang dianjurkan iaitu pengukuhan sahsiah, pembangunan sendiri dan pembangunan kerjaya serta pengurusan kecergasan diri.

Ketua Setiausaha, Dato' Mohid Mohamed berkata, penerapan daya kepimpinan kesukarelaan turut diterapkan melalui modul-modul seperti team building serta simulasi alam pekerjaan melalui penempatan peserta di lokasi-lokasi terpilih dan melaksanakan aktiviti-aktiviti belia di sepanjang tempoh berada dilokasi.

Katanya, pendedahan peserta kepada kemahiran sukan Ujian Kecergasan Jasmani Kbangsaan (UKJK), senamrobiok dan rekreasi amat penting untuk menjadi seorang pegawai Belia dan Sukan yang efisien.

“ Dari modul-modul yang diperkenalkan, aspek disiplin amat dititikberatkan di dalam kursus ini. Sebab itu lah modul pertama yang perlu dilalui oleh peserta adalah modul disiplin dan ketahanan diri di Pusat Latihan Polis Gerakan Am selama 21 hari untuk membentuk aspek disiplin dan pengurusan masa. Ini bagi memastikan Pegawai Belia dan Sukan sentiasa mempunyai tahap disiplin diri yang tinggi,” ujarnya ketika merasmikan Penutupan Kursus Kepegawaian Belia dan Sukan (KKBS) Siri 1 /2013 di perkarangan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak di sini hari ini.

“ KKBS yang mula diperkenalkan sejak tahun 2008 lalu turut memberi penekanan kepada aspek profesionalisme pegawai-pegawai Belia dan Sukan kerana mereka merupakan tunjang yang akan menggerakkan pembangunan belia dan sukan di negara ini . Dalam erti kata lain, mereka mempunyai tanggungjawab yang besar untuk menggerakkan aset utama negara ini melalui aktiviti yang dapat memenangi hati dan perasaan mereka untuk menggerakkan belia di negara ini,”. ujarnya.

Seramai 94 pegawai berjaya menamatkan kursus selama 90 hari ini bermula 7 Januari lalu. Mereka terdiri dari seramai 59 lelaki dan 35 wanita dari kumpulan pegawai Gred S 41 dan S27 lantikan baharu. Selain pegawai KBS, kursus ini turut dihadiri pegawai –pegawai dari Majlis Sukan Negara dan Institut Sukan Negara yang buat pertama kalinya bergabung di dalam satu kursus.

Untuk rekod, terdapat seramai 11.9 juta atau 41.5 peratus belia dari seramai 28 juta penduduk Malaysia. Ini jelas menunjukkan bahawa suara dan sumbangan belia di dalam semua aspek pembangunan negara amat mustahak. Peranan seseorang Pegawai Belia dan Sukan amat mencabar kerana terpaksa berhadapan dengan sekumpulan orang muda yang berpendidikan tinggi serta demografi yang berbeza-beza.

“Oleh itu tugas sebagai seorang Pegawai Belia dan Sukan amatlah berat dan perlu dilaksanakan dengan sebaiknya bagi memastikan generasi belia hari ini sebagai pemangkin pembangunan negara,” tambahnya.

“ Kementerian telah memberi peruntukkan yang besar untuk kursus-kursus seperti ini bagi memastikan pelaburan yang dibuat ini berbaloi dan mendatangkan faedah yang positif bagi jangka masa yang panjang kerana pegawai-pegawai ini akan berkhidmat dalam tempoh melebihi 20 tahun,”.

Dato' Mohid mengingatkan pegawai-pegawai ini agar sentiasa memelihara nama baik serta imej KBS dan bijak menyesuaikan diri dengan keadaan setempat. Mereka juga perlu bijak membuat keputusan dan matang di dalam menangani sesuatu masalah.

“ Saudara adalah penanda aras kepada pegawai-pegawai baharu yang akan datang dan sudah semestinya saudara mesti menunjukkan ketrampilan serta imej yang baik,”.

DI CELAH- CELAH TIMBUNAN FAIL.....

Wak Din amat setuju dengan saranan Dato, Sri Ahmad Shabery Cheek supaya Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sentiasa dilihat ' kool' dan ' mesra belia' bersesuaian dengan peranan dan tanggungjawabnya.

Setiap aktiviti yang dilaksanakan mestilah bersesuaian dengan citarasa dan trend orang muda dan bukannya lagi mengikut selera pegawai pentadbiran atau pengurus yang kebanyakannya telah berumur dan tidak memahami kehendak orang muda. Program yang diatur sekadar mematuhi perancangan dan tidak menepati kumpulan sasaran

Salah siapa jika ada program KBS yang dianjurkan di mana-mana baik di peringkat pusat, negeri mahupun daerah kini mulai kurang mendapat sambutan. Isunya bukan golongan muda itu sudah muak atau bosan tetapi ada aktiviti yang disediakan perlu dikaji semula kesesuaiannya serta relevannya dengan trend masa kini.

Sudah tiba masanya KBS melihat kembali impak aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan supaya anak-anak muda tidak terus menerus berjauhan dari aktiviti yang dilihat masih menampakkan imej kerajaan.

Suara anak muda di peringkat akar umbi mesti sentiasa didengar dan difahami. Tanggungjawab KBS untuk mencanai dan mengubahnya dan menterjemahkannya dalam bentuk aktiviti yang menjadi pilihan mereka. Jiwa trendy dan bebas sentiasa menjadi tema anak-anak muda hari ini. Sesuatu yang mencabar minda dan lasak untuk fizikal menjadi idaman ramai. Majlis perjumpaan yang dipenuhi ucapan, ceramah dan sebagainya sudah dilihat sebagai sesuatu yang membosankan.

Wak din...
sentiasa pandang ke depan...





KERAJAAN PANDANG SERIUS ISU DADAH BABITKAN ATLET

PULAU PINANG, 21 Februari 2013 – Kerajaan memandang serius isu penggunaan dadah di kalangan atlet dan akan bertegas ke atas mana-mana individu yang terlibat menggunakan dadah terlarang itu.

Menurut Menteri Belia dan Sukan Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek berkata, Malaysia amat mementingkan masalah penyalahgunaan dadah dalam sukan. Penyertaan di peringkat dunia ini mencerminkan kesungguhan Malaysia dalam usaha melahirkan atlet dunia yang bebas dari gejala doping. Beliau berharap bidang yang dikaitkan dengan antidoping turut perlu diberi perhatian.

Beliau mengadakan lawatan Pusat Kawalan Doping (PKD) Univeristi Sains Malaysia (USM) di sini petang ini untuk membincangkan langkah yang perlu diambil bagi mendapatkan akreditasi pusat berkenaan semula daripada pihak WADA.

Sesi perbincangan turut melibatkan pihak daripada USM iaitu Naib Canselor, Prof. Dato' Omar Osman, Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Muhamad Jantan dan Pengarah Pusat Kawalan Doping, Prof. Bahruddin Saad serta pakar daripada King's College of London, Profesor David Cowan yang merupakan Pengarah Drug Control Centre, Department of Forensic Science & Drug Monitoring.

Bagi mendapatkan akreditasi semula, pihak USM akan membuat perancangan dalam beberapa struktur yang perlu dikaji yang mana di antaranya soal kepakaran ke atas bidang doping, bila pengiktirafan dapat dikembalikan semula dan hubungan pusat tersebut dengan agensi-agensi lain.

Beliau turut di bawa melawat ke makmal yang terdapat di Pusat Kawalan Doping ini bagi melihat operasi yang dijalankan di sini. Hadir sama dalam lawatan ini ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KBS, Dato' Zaidon Haji Asmuni dan Pakar Sains dan Perubatan Sukan, Dato' Dr. Ramlan Haji Abdul Aziz.



IYC KIAN BERGERAK AKTIF MEMBANGUNKAN BELIA

CHERAS, 20 APRIL 2013 – “ Selama 25 tahun ini, Pusat Belia Antarabangsa (IYC) dilihat semakin bergerak aktif dan berperanan besar dalam membangunkan belia-belia di negara ini,” ujar Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Dato' Mohid Mohamed ketika merasmikan Hari Terbuka sempena Sambutan Jubli Perak IYC bertempat di Dewan Kampo, IYC di sini hari ini.

“ IYC semakin melebarkan sayapnya dengan mengadakan pelbagai kerjasama dengan pertubuhan NGO's dan meluaskan rangkaian serta jaringan seranta bagi mengukuhkan lagi pembangunan belia,” tambahnya.

Hari Terbuka IYC yang berlangsung selama dua hari ini bertujuan untuk mengiktiraf peranan IYC selama 25 tahun dalam pembangunan belia di peringkat antarabangsa, memperkasakan pergerakan belia secara global dan untuk mempromosikan IYC sebagai Pusat Keilmuan.

Sejuru selepas merasmikan majlis ini, Dato' Mohid merangkap Pengerusi Lembaga Amanah Yayasan IYC mengadakan lawatan ke booth pameran. Penyertaan dari pelbagai pihak seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Bahagian Pembangunan Belia KBS, pemeriksaan kesihatan dan berbagai-bagai aktiviti yang berbentuk interaktif disediakan untuk pengunjung. Dato' Mohid kemudiannya mencuba Cardio Bike Challenge serta melakukan pemeriksaan kesihatan.

Hadir sama pada majlis ini, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) , Dr. Wasitah Mohd Yusof, Pengerusi PUSPANITA Cawangan KBS, Datin Abidah Haji Sani, Naib Pengerusi Lembaga Amanah Yayasan IYC, Dato Motohiro Otsuka, pegawai-pegawai kanan KBS serta Ahli-ahli Lembaga Amanah Yayasan IYC.





KBS DAN MSN ANJUR PERLAWANAN ANTARA MALAYSIA VS PALESTIN

PUTRAJAYA, 13 MAC 2013 – Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Majlis Sukan Negara (MSN) akan menganjurkan perlawanan bola sepak amal antarabangsa antara Malaysia melawan Palestin bagi mengisi Tabung Kemanusiaan Rakyat Negara Palestin dan untuk membantu meringankan penderitaan keluarga wira-wira Lahad Datu, Sabah.

Perlawanan yang disokong oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) itu akan diadakan pada hari Selasa, 26 Mac 2013 jam 8.45 malam bertempat di Stadium Darul Makmur, Kuantan, Pahang.

“Antara objektif perlawanan amal ini adalah untuk mengutip dana bagi membantu rakyat Palestin dan keluarga wira-wira negara yang terkorban di Lahad Datu”, ujar Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek pada sidang media perlawanan amal bola sepak antara Malaysia melawan Palestin di Menara KBS di sini hari ini.

“Tema yang dipilih ialah **‘Voice of Malaysia, Match For Hope’** diharapkan dapat menyuntik semangat rakyat Malaysia terutamanya golongan muda untuk sama-sama memberi sumbangan dan memupuk semangat mempertahankan kedaulatan negara”.

Malah, beliau turut menyarankan kepada golongan anak muda supaya menunjukkan sokongan terhadap isu yang berlaku di negara ini dengan sama-sama turun ke stadium menyaksikan perlawanan tersebut.

Dalam perlawanan itu nanti, beliau juga turut mensasarkan kutipan sebanyak RM1 juta untuk dibahagikan kepada dua tabung iaitu Tabung Palestin dan Tabung Lahad Datu.

Harga tiket boleh didapati dengan harga RM 20 bagi dewasa, RM10 bagi kanak-kanak dan RM150 bagi tempat duduk khas.

Hadir sama dalam sidang media tersebut ialah Naib Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Dato’ Subahan Kamal, Setiausaha Agung FAM, Datuk Azzudin Ahmad, Ketua Setiausaha KBS, Dato’ Mohid Mohamed, Ketua Pengarah MSN, Dato’ Zolkples Embong dan pegawai-pegawai kanan KBS.



PROGRAM BERBASIKAL UNTUK KE MAJLIS PERASMIAN GELANGGANG FUTSAL 1MALAYSIA

KEMAMAN, 9 FEBRUARI 2013 – Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek dan 400 orang peserta berbasikal dalam Program Jelajah 1Belia 1Malaysia Parlimen Kemaman yang bermula daripada Pantai Kemasik di sini menuju ke Kampung Bukit Anak Dara yang terletak di Kijal sebelum melangsungkan majlis perasmian Gelanggang Futsal 1 Malaysia di kampung tersebut.

Ketibaan peserta berbasikal disambut dengan meriah oleh penduduk setempat dan kanak-kanak bawah 12 tahun yang menyertai Kejohanan Futsal DUN Kijal bawah 12 tahun. Mereka dihidangkan dengan sarapan pagi bagi mengisi tenaga untuk meneruskan kayuhan seterusnya.

Persembahan silat turut diadakan sebelum upacara perasmian Gelanggang Futsal 1Malaysia. Simbolik perasmian, beliau kemudian menyerahkan replika kunci kepada Pengerusi Persatuan Belia Gerak Maju Kampung Bukit Anak Dara, Che Ku Sufian Che Ku Long

Peralatan sukan turut diberikan kepada persatuan-persatuan belia di Kampung Bukit Anak Dara sebagai usaha menyemarakkan aktiviti bersukan di kalangan mereka. Beliau kemudian menandatangani plak perasmian Gelanggang Futsal 1Malaysia dan melakukan tendangan gol sebagai gimik perasmian.



Turut hadir dalam majlis perasmian tersebut ialah Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan, Hajah Hatipah Ibrahim, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu, Rusli Yusoff, Ketua Wanita Bahagian UMNO, Senator Hajah Rohani Abdullah, Pegawai Khas kepada Menteri Besar Terengganu, Wan Muhamad Hisyam Wan Abdul Hamid, Ketua Polis Daerah Kemaman, Che Suza Che Hitam dan Timbalan Pengerusi JKKK Kampung Bukit Anak Dara, Ibrahim Abdul Ghani.

Pilihan Lensa





PADANG RUMPUT SINTETIK BAKAL GANTI PADANG RUMPUT BIASA

KUALA TERENGGANU, 3 FEBRUARI 2013 : “ Ini salah satu inisiatif kerajaan dalam menggalakkan lagi pembangunan sukan bolasepak dari peringkat akar umbi ”, ujar Menteri Belia dan Sukan, Dato Sri Ahmad Shabery Cheek selepas melakukan lawatan ke tapak projek pembangunan padang rumput sintetik di Kampung Tok Jiring, dekat sini petang tadi..

Idea pembinaan padang rumput tiruan sintetik merupakan cetusan dari Perdana Menteri Malaysia dan juga modul baharu dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK 10). Penggunaan rumput ini dapat mengurangkan kos penyelenggaraan seperti rumput asli yang memerlukan penjagaan rapi.

Menurut beliau lagi, “ Walaupun pembinaan padang sintetik ini memakan kos yang tinggi tetapi sangat efektif untuk tempoh jangka masa yang panjang ”. Terengganu merupakan negeri pertama yang menerima manfaat dari pembangunan ini. Kampung Tok Jiring, Mukim Kuala Nerus di Kuala Terengganu menjadi daerah pertama yang mempunyai kemudahan moden ini di Terengganu sebelum projek yang sama yang bakal dibina di Gong Badak tidak lama lagi.

“ Pembangunan dan penggunaan padang rumput sintetik ini memberi kelebihan dari sistem perparitan yang baik. Difahamkan selepas ini, beberapa lagi projek pembangunan padang rumput sintetik akan menyusul di setiap negeri dengan peruntukan dua padang bagi setiap negeri, “nya..

Dengan adanya padang rumput tiruan sintetik ini, ianya dapat mengekalkan keadaan permukaan padang seperti biasa walaupun sentiasa digunakan..

Dalam lawatan tapak ini, Dato’ sri Ahmad Shabery juga berharap semoga penduduk di kawasan sekitar dapat memelihara dan menggunakan kemudahan ini dengan sebaik mungkin. “ Saya berharap penduduk tidak akan menyalahguna atau melakukan kerosakan kepada pelaburan besar kerajaan ini ”, pintanya.

Padang ini bakal diletakkan di bawah pengurusan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu (MPKT) dan menjadi tarikan baharu di dalam era bola sepak di daerah ini.

Hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Tepoh, Ustaz Haji Ramli Nuh,, Setiausaha Bahagian Pembangunan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) , Kamaruddin Abdul Rani dan wakil dari Majlis



ANUGERAH EMAS, SATU PENGIKTIRAFAN KEPADA BELIA

BANGI, 4 FEBRUARI 2013: “ Malaysia antara negara yang paling aktif dalam aktiviti yang dijalankan oleh belia ”, ujar YB. Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena Majlis Penganugerahan Pingat Emas kepada peserta Anugerah Remaja Perdana peringkat Kebangsaan yang telah berjaya melaksanakan semua tugas yang diberikan untuk mendapatkan penganugerahan ini.

“ Diharap dengan penganugerahan ini akan dapat melahirkan lebih ramai lagi belia yang aktif dan mempunyai semangat nilai-nilai murni ”, tambah beliau lagi.

Penganugerahan emas ini merupakan usaha berterusan cawangan Rakan Muda, Kementerian Belia dan Sukan bagi meningkatkan keupayaan belia yang aktif dalam segala aktiviti yang dianjurkan. Seramai 61 peserta menerima penganugerahan ini. Penganugerahan pingat Emas ini merupakan satu pengiktirafan yang tinggi kepada peserta kerana setiap peserta perlu melalui tugas yang tertentu sebelum ditauliahkan.

Program Anugerah Remaja Perdana ini mempunyai tiga tahap penganugerahan iaitu Gangsa, Perak dan Emas. Anugerah Remaja Perdana ini turut mengambil bahagian di beberapa buah negara yang lain dengan menggunakan nama Duke Of Edinburgh Award.

Majlis penganugerahan ini turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian (Strategik), Dato’ Zaidon Haji Asmuni, Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara, Dato’ Sri Zolkeples Embong dan Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara, Y.Brs. Puan Hatipah Haji Ibrahim.



KATA-KATA HIKMAT :

“

pada satu-satu ketika dalam sejarah bangsa, golongan belialah yang meneroka jalan kearah matlamat mada hadapan. Dengan kesedaran inilah pihak kerajaan hari ini memandang mustahak supaya kaum belia kita dibantu dan dibimbing dan diberikan galakan serta dorongan dengan harapan supaya dengan semangat baru mereka, mereka dapat mengambil bahagian yang aktif dan positif dalam pembangunan bangsa dan Negara

”

**Allahyarham Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein
Perasmian Majlis Perundingan Belia Negara
15 Mei 1971**

“

tiga pokok yang perlu diasaskan oleh belia-belie semua kaum dalam usaha menanam dan memupuk rasa kesedaran nasional. Pertama, rasa sehaluan atau sense of belonging, kedua : rasa penyertaan bersama atau sense of participation dan ketiga rasa tanggungjawab atau sense of responsibility.

”

Perutusan Hari Belia 1972

“

“ Kementerian Belia dan Sukan mempunyai beberapa aspek penting bagi mematuhi 3 konsep asas dalam mendekati belia. Konsep mendekati (engagement) kementerian telah Berjaya mendekati golongan belia dengan landskap yang lebih besar melalui penglibatan (participation) dan pemerdayaan (empowerment).

”

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek
Menteri Belia dan Sukan.**



MAJLIS ANUGERAH SUKAN NEGARA 2012

KUALA LUMPUR, 16 APRIL 2013 - Majlis Anugerah Sukan Negara yang diadakan sebagai pengiktirafan tertinggi kerajaan kepada atlet, jurulatih dan pegawai yang sentiasa berjuang untuk mengangkat martabat bangsa dan negara dalam bidang sukan berlangsung di salah sebuah hotel terkemuka di Subang Jaya



Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek yang berucap dalam majlis tersebut memberitahu bahawa tahun 2012 telah menyaksikan rentetan kejayaan demi kejayaan yang telah dicipta oleh atlet Malaysia. Menurut beliau, “ Ramai atlet yang menyerlah sama ada di peringkat serantau, menggegar dunia malah tidak kurang juga yang dinobatkan sebagai atlet nombor satu dunia. “

“ Tahun 2012 juga memperlihatkan seramai 21 orang atlet negara dari lapan jenis sukan berjaya menduduki ranking lapan ke atas dunia. Saya percaya semua atlet ini tidak akan berjaya sampai ke tahap itu jika kita tidak melihat aspek pembangunan dan pendedahan sukan di peringkat yang paling awal usianya, “ tambah beliau.

Anugerah-anugerah yang dipertandingkan ialah Anugerah Pasukan Lelaki (Pasukan Hoki Lelaki Kebangsaan), Anugerah Pasukan Wanita (Pasukan Skuasy Wanita kebangsaan), Anugerah Olahragawan Paralimpik (Hasihin Sanawi), Anugerah Jurulatih (Abdul Rashid Mohd Sidek), Anugerah Kepimpinan Sukan (Dato' Sri Paul Mony Samuel dan Datuk Haji Abu Samah Haji Abdul Wahab) dan Anugerah Khas (Ng Chow Seng dan Muhammad Zulfahmi Khairuddin).

Bagi Anugerah Tokoh Sukan 2012, Tan Sri Elyas Omar menerima anugerah tersebut berdasarkan jasa beliau dalam bidang sukan bola sepak, badminton dan berbasikal. Beliau menunjukkan semangat yang kental ketika menerima anugerah tersebut walaupun kesihatan fizikal beliau tidak begitu baik.

Anugerah Olahragawan dan Olahragawati Kebangsaan 2012 dianugerahkan kepada Dato' Lee Chong Wei dan Pandelega Rinong yang masing-masing menunjukkan prestasi yang cemerlang dan konsisten dalam pertandingan sukan sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa yang diiktiraf pada setiap tahun.

Tiga anugerah tersebut dikurniakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV, Almu'tasimu Billahi Muhibuddin Tuanku Alhaj Abdul halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah. Baginda yang hadir dalam majlis tersebut ditemani oleh Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah.

Hadir dalam majlis tersebut ialah Timbalan-timbalan Menteri Belia dan Sukan, Ketua Setiausaha, Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha, Ketua Pengarah MSN, Datuk Zolkples Embong serta Pegawai-pegawai KBS. Penaja utama Majlis Anugerah Sukan Negara 2012 ialah Syarikat Telekom Malaysia Berhad.



PM SAMPAIKAN SIJIL GELANGGANG FUTSAL 1 MALAYSIA

KUALA TERENGGANU, 23 Februari 2013 – Tiga persatuan belia di Terengganu seharusnya berasa bangga kerana terpilih untuk menerima Sijil Gelanggang Futsal 1 Malaysia (GF1M) yang disampaikan sendiri Perdana Menteri sewaktu singgah di tapak pameran Kementerian Belia dan Sukan (KBS) selepas merasmikan Program Janji Di Tepati (JJD) di Dataran Syahbandar di sini hari ini.

Majlis yang turut disaksikan Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Haji Ahmad Said dan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek menceritakan penerima-penerima. Mereka adalah Pengerusi Persatuan Belia MAYC Gelugor Kedai, di dalam Parlimen Marang, Abdul Hakim Dato' Baharuddin, Pengerusi Gerakan Belia 4B Cawangan Kampung Seberang Tuan Chik, Kuala Nerus, Mohd. Aminuddin Mamat dan Pengerusi Gerakan Belia 4B Kampung Kepah, Hulu Terengganu.

Setiap mereka menerima sijil bagi mengurus serta menyelia gelanggang Futsal 1 Malaysia di kawasan masing-masing.

Terdahulu, Perdana Menteri ketika berucap merasmikan program ini menyatakan bahawa adalah menjadi kewajipan kerajaan untuk membela nasib rakyat dan seharusnya tanggungjawab serta amanah ini tidak dipersoalkan apatah lagi dipolitikkan sehingga mengelirukan rakyat sendiri.

Lebih 10,000 orang menghadiri program ini yang turut menyediakan pelbagai peluang untuk disampaikan kepada orang ramai. Program ini akan diteruskan ke negeri Perlis awal Mac nanti.

DATO SRI AHMAD SHABERY BERJAYA LONJAKKAN NAMA NEGARA MELALUI SUKAN



Kejayaan raja badminton negara, Datuk Lee Chong Wei memperoleh pingat perak dan ratu terjun, Pandalela Rinong mendapat gangsa melalui sukan kegemarannya, acara terjun membuka lembaran baharu dalam persaingan di temasya Sukan Olimpik.

Kejayaan Datuk Lee mengekalkan pingat sekuang-kurangnya sebagai isyarat bahawa Malaysia menjadi kuasa badminton yang konsisten manakala pandalela mengukir nama sebagai atlet wanita pertama negara yang berjaya memecah monopoli atlet lelaki sebagai pemenang pingat pertama di temasya sukan terbesar dunia itu.



Kejayaan atlet kelainan upaya (OKU) di dalam Sukan para limpik London tahun 2012 menyaksikan bahawa kekurangan yang dialami bukanlah satu kekurangan untuk memberikan saingan malah ia dilihat sebagai satu kelebihan dan senjata sulit jika adanya kesungguhan dan semangat patriotisme yang tinggi. Semangat tidak mudah mengalah yang ditunjukkan beberapa atlet lain seperti pelumba basikal, Aziziul Hasni Awang, Fatehah Mustafa serta beberapa atlet lain dalam sukan masing-masing membuktikan bahawa program "Road To London 2012" yang dilancarkan beberapa tahun sebelum itu menjadi pembakar semangat untuk atlet negara memberikan saingan dan mengetepikan rasa rendah diri.

Bermula tahun 2008, apabila banyak kejayaan dilakarkan melalui pencapaian gemilang atlet negara. Datuk Lee Chong Wei mengakhiri kemarau selama 12 tahun apabila berjaya membawa pulang pingat perak melalui acara badminton di Sukan Olimpik Beijing. Kebangkitan sukan skuasy terserlah apabila ratu skuasy negara, datuk Nicol David berjaya memenangi kesemua 10 kejohanan yang disertainya di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Anak kampung dari Kemaman, Terengganu, Azizul Hasni Awang mencatatkan sejarah dalam sukan lumba basikal apabila berjaya mencapai kedudukan pertama dunia dalam acara kerin dan memperbaiki kedudukan di tangga kesembilan dalam acara pecut (sprint). Pemain bowling padang negara, Safuan Saad menjadi pemain perseorangan lelaki nombor satu dunia selepas menjuarai kejohanan dunia bagi sukan ini. Tahun 2009 memperlihatkan kebangkitan prestasi pasukan bola sepak negara apabila berjaya merangkul pingat emas atau ibu segala pingat dalam temasya Sukan Sea di Laos. Kejayaan ini menamatkan penantian selama 20 tahun selepas menyaksikan prestasi turun naik pasukan bola sepak negara terutamanya di rantau Asean.

ANUGERAH SUKAN NEGERI TERENGGANU 2011 / 2012

23 DISEMBER 2012 • JAM 8.00 MALAM
DEWAN BESAR, WISMA DARUL IMAN, KUALA TERENGGANU



PERKONGSIAN ILMU BERSAMA PERSATUAN- PERSATUAN SUKAN NEGERI TERENGGANU

KUALA TERENGGANU, 2 FEBRUARI 2013 – Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Bahagian Industri Sukan (BIS) sedang giat melaksanakan inisiatif bagi meningkatkan kesedaran pihak industri mengenai potensi sukan sebagai satu perniagaan yang berupaya menyumbang kepada mencapai visi Malaysia sebagai sebuah ekonomi berpendapatan tinggi.

Industri sukan bukan hanya tertumpu kepada pencapaian atlet-atlet Malaysia di dalam sesuatu pertandingan, tetapi mempunyai potensi yang lebih besar dalam meningkatkan pendapatan Negara. Menjelang tahun 2020, KBS akan menasaskan pembangunan industri sukan akan dipacu sepenuhnya oleh sektor swasta, di mana pertubuhan sukan tidak lagi bergantung pada bantuan kewangan kerajaan untuk menganjurkan kejohanan-kejohanan sukan.

Justeru itu, BIS dengan kerjasama Pesuruhjaya Sukan Malaysia (PJS) telah menganjurkan program perkongsian ilmu bersama persatuan-persatuan sukan Negeri Terengganu bertempat di Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBSN) Terengganu hari ini..

Program perkongsian ilmu ini berlangsung selama separuh hari yang melibatkan taklimat dan perkongsian ilmu daripada PJS dan juga BIS sendiri. PJS telah menghantar dua orang pegawai bagi sesi perkongsian ilmu ini. Taklimat yang pertama telah disampaikan Nazeri Gaib, dari PJS dengan tajuk “ Penghantaran MYKB secara Online”. Taklimat yang disampaikan ini bagi membantu persatuan-persatuan sukan untuk menghantar laporan dengan mudah dan betul. Taklimat kedua disampaikan Mohd Sofi Ibrahim juga dari PJS yang bertajuk “ Pendaftaran ROSA dan Pindaan Perlembagaan”.

Taklimat seterusnya pula disampaikan Setiausaha BIS, Ibrahim Mohd Yusof dengan tajuk “ Senario Industri Sukan, Peluang Perniagaan & Peranan Bahagian Industri Sukan ”.

Sebanyak 12 wakil persatuan hadir bagi program perkongsian ilmu ini antaranya adalah Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu (PBSNT), Persatuan Gimnastik, Persatuan Ping Pong, Persatuan Bola Jaring, Persatuan Badminton dan lain-lain.



TANGGUNGJAWAB GERMIN KEPERIBADIAN

SUNGGAI UDANG, 13 Mac 2013 : “ Apabila anda selesai sahaja menamatkan kursus ini, anda haruslah mengekalkan sifat dan pemikiran yang positif”, ujar Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Dato’ Zaidon Haji Asmuni ketika menutup Majlis Modul Disiplin dan Ketahanan Diri 2013 sempena Kursus Kepegawaian Belia dan Sukan bertempat di Pusat Latihan RELA Wilayah Selatan (PLRWS) di sini hari ini.

“ Sentiasa berfikir positif merupakan salah satu cara bagaimana untuk memotivasikan diri sendiri agar dapat menyelesaikan sebarang masalah tidak kira sesukar mana pun halangan yang harus dihadapi. Ini merupakan salah satu modul bagi meningkatkan keyakinan diri para peserta selepas tamat menjalani kursus, “ ujarnya.

Modul kali ini juga memberi peluang kepada para peserta menjalani latihan menembak.

“ Walaupun anda semua bukanlah bakal menjadi anggota keselamatan tetapi dari salah satu segi, anda boleh merasai bagaimana sekiranya anda berada di tempat mereka”, Modul ini pertama kali diadakan dalam kursus tahun ini bagi mengeratkan lagi hubungan kerjasama antara Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan KBS.. Antara objektif kursus ini adalah menyahut seruan Perdana Menteri dalam menyemai semangat kesukarelaan kepada para belia termasuk pendedahan awal melibatkan bakal-bakal pegawai belia dan sukan ini.

Menurut salah seorang peserta kursus, Mohammad Md Yusoff, 22, “ Kursus ini memberi peluang kepada saya merasai pengalaman menjalani latihan sebagai seorang sukarelawan dan dalam masa yang sama sebagai seorang anggota pasukan keselamatan”,

Seramai 94 orang peserta yang sedang menjalani Kursus Kepegawaian Belia dan Sukan mengikuti modul ini. Menanamkan sikap bertanggungjawab dan menyuburkan semangat cintakan negara merupakan salah satu elemen penting dalam melahirkan pegawai yang sentiasa menekankan sikap dan pemikiran yang positif.

RELA juga yang merupakan antara satu-satunya agensi berkonsepkan kesukarelaan berbentuk uniform dan keselamatan.

Mengupas pula berkenaan isu semasa tentang pencerobohan di Lahad Datu, Sabah, Dato’ Zaidon mengingatkan agar kita jangan memandang ringan beban yang dipikul oleh anggota keselamatan kerana mereka terpaksa berhadapan dengan musuh dan menggadai nyawa demi kedaulatan negara. Sebaliknya, beliau mengajak semua peserta agar sentiasa mendoakan keselamatan mereka dan keadaan kembali pulih seperti sebelumnya.





YB. DATO' RAZALI BERSAMA BELIA DI MY BEAUTIFUL MALAYSIA MUAR

MUAR, 3 FEBRUARI 2013 - Seramai 20,000 belia telah berkumpul di Stadium Sultan Ibrahim, Johor bagi menjayakan pelancaran Program 'My Beautiful' Malaysia peringkat negeri Johor. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB. Dato' Razali Haji Ibrahim selaku ahli Parlimen Muar, hadir bagi bersama-sama belia di kawasan beliau dalam aktiviti kesularelawan di bawah program My Beautiful Malaysia yang diadakan serentak seluruh Malaysia.

Pelancaran My Beautiful Malaysia peringkat negeri Johor ini telah dirasmikan oleh Y.A.B Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri. My Beautiful Malaysia 2013.

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPBPM) juga telah melaksanakan kajian terhadap penganjuran program tersebut di negeri Johor yang melibatkan tiga zon iaitu Muar, Johor Bahru dan Kulai Jaya. Seramai 740 belia terpilih telah menjadi responden dalam kajian tersebut. Antara objekti kajian ialah untuk melihat jangkaan serta ekspektasi belia selepas mengikuti program sukarelawan kempen mesra alam



KAKITANGAN BAHARU KBS TAMAT LATIHAN

HULU KINTA, 28 Januari 2013 – Seramai 100 orang pegawai dan Penolong Pegawai Belia dan Sukan telah dengan jayanya menamatkan Modul Disiplin dan Ketahanan Diri di Pusat Latihan Pasukan Gerakan Am (PLPGA), Hulu Kinta, di sini hari ini.

Modul tersebut merupakan salah satu modul utama yang dijayakan bersama PLPGA Am Hulu Kinta telah dilaksanakan selama 21 hari bermula dari 8 hingga 28 Januari 2013.

Selari dengan Pelan Strategik Kementerian Belia dan Sukan (KBS) 2010 – 2015, salah satu daripadanya adalah pemantapan keupayaan dan kapasiti organisasi menerusi peningkatan pembangunan sumber manusia.

Di dalam modul tersebut, para peserta di dedahkan dengan latihan lasak dan keras yang telah diberikan oleh jurulatih – jurulatih dari anggota PLPGA khusus untuk memupuk semangat kerjasama yang tinggi serta membentuk disiplin diri di kalangan mereka. Latihan ini diadakan adalah sebagai langkah awal bagi membentuk keperibadian unggul, keupayaan pemikiran yang mantap dan membangunkan profesionalisme para pegawai muda Skim Perkhidmatan Belia dan Sukan, di mana para pegawai ini adalah peneraju dalam mengupayakan pembangunan belia dan sukan negara serta membentuk barisan kepimpinan negara di masa akan datang.

Majlis penutupan modul tersebut telah disempurnakan Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), Hajah. Hatipah Haji. Ibrahim, Turut hadir, Komandan PLPGA Supt. Kasuahdi Haji Ali, serta Setiausaha Bahagian, Pengurusan Sumber Manusia KBS, Wan Ramli Wan Daud

Terlaksananya Kursus Kepegawaian Belia dan Sukan Siri 1/2013 ini diharap agar dapat melahirkan Pegawai Belia dan Sukan yang berdisiplin, berkebolehan, berpengetahuan, berintegriti dan berkeyakinan sebagai seorang pegawai belia dan sukan yang akan ditempatkan di seluruh Malaysia.



MENTERI BELIA DAN SUKAN RASMI MESYUARAT PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN MBM KALI KE-61

SUBANG JAYA, 18 Januari 2013 – “Majlis Belia Malaysia (MBM) adalah salah satu medan latihan terbaik dalam melahirkan pemimpin belia negara,” ujar Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek.

Tambah beliau lagi, idea dan pandangan yang bernas akan menjadi daya ukur sebagai pemimpin berbanding personaliti ataupun pangkat. MBM bergerak sebagai badan induk yang menyelaraskan pertubuhan belia dan pelajar sejak tahun 1950 iaitu sebelum negara mencapai kemerdekaan. Sehingga kini, MBM merupakan rakan kongsi paling akrab kepada Kementerian Belia dan Sukan dalam membantu apa jua pelaksanaan dasar Kementerian.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Mesyuarat Perhimpunan Agung Tahunan MBM kali ke-61 di Summit Hotel, Subang Jaya di sini hari ini. Mesyuarat itu juga dihadiri seramai 366 perwakilan daripada pelbagai persatuan belia yang turut memilih barisan baharu pucuk pimpinan MBM serta hala tuju baharu pertubuhannya.

Pada pemilihan kali ini, menyaksikan Presiden MBM, Mohamed Maliki Mohamed Rapiee berjaya mengekalkan jawatan untuk penggal kedua berturut-turut apabila pencabar kuatnya, Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung, Jais Abdul Karim menarik diri atas faktor peribadi.

Dato’ Sri Ahmad Shabery juga turut mengingatkan kepada generasi muda yang layak dan telah mendaftar untuk mengundi supaya mempertimbangkan tiga aspek utama iaitu rekod prestasi, asas perjuangan dan pemimpin yang baik dalam memilih kerajaan, ujar beliau semasa sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Perhimpunan Agung Tahunan MBM kali ke-61 itu.

“Rekod prestasi kerajaan sekarang yang berjaya membina perpaduan masyarakat berbilang bangsa, agama, pemikiran dan budaya merupakan aspek paling penting. Jangan sesekali memperjudikan masa hadapan negara hanya kerana ingin melakukan perubahan tanpa membuat pertimbangan sewajarnya,” katanya.

Tambahnya lagi, persatuan belia termasuk MBM perlu memainkan peranan menggalakkan generasi muda mendaftar sebagai pemilih dalam melunaskan tanggungjawab mereka kepada negara.



KIOSK YOUTH PORT DEDAH PELAJAR CEBUR PERNIAGAAN

KEMAMAN, 3 Mac 2013 - “ Dengan wujudnya kiosk seperti ini, kita akan dapat memperkenalkan produk IKBN kepada orang ramai khususnya masyarakat tempatan “, ujar Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek dalam ucapan perasmian Youth Port yang pertama di IKBN Kemasik hari ini.

Kiosk Youth Port diperkenalkan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar IKBN tentang strategi dalam bidang perniagaan. Mereka bukan sahaja memperoleh skill itu untuk kegunaan pelajar itu sendiri pada masa hadapan malah ianya boleh dikembangkan menjadi satu pendapatan yang lebih lumayan.

Diberikan nama Youth Port kerana sinonim dengan jiwa remaja masa kini yang sering menggunakan perkataan ‘ port ‘ sebagai tempat untuk duduk dan berkongsi pandangan. Ini juga dapat melahirkan para pelajarnya menjadi lebih kreatif dalam bidang yang diceburi untuk bersaing dalam bidang yang mencabar ini.

“ Sekurang-kurangnya kita dapat memberitahu kepada semua orang bahawa IKBN mempunyai outletnya yang tersendiri “, tambahnya.

Outlet IKBN yang diberi nama Youth Port ini juga dapat memberi peluang kepada para pelajar mengisi masa lapang sedia ada untuk bekerja secara part-time ketika cuti hujung minggu dan ini juga dapat membantu pelajar menambah pendapatan.

“ Kita juga merancang untuk memperkenalkan Kiosk Youth Port ini di setiap IKBN di seluruh Malaysia “ katanya. Kiosk Youth Port yang dianggarkan kira-kira empat ratus ribu ini mungkin akan diwujudkan di setiap IKBN dalam melahirkan pelajar yang berkualiti dari segi soft skillnya dan bukan sahaja kemahiran semata-mata.

Kiosk Youth Port di IKBN Kemasik merupakan yang pertama diperkenalkan. Mempunyai empat lot kedai yang memberikan kemudahan perkhidmatan seperti salon rambut di samping kedai jualan seperti kafe dan bakery.

Majlis perasmian ini juga diadakan sempena Majlis Persidangan Alumni dan Pemimpin Pelajar IKBN Seluruh Malaysia yang bermula dari 1 hingga 3 Mac yang lalu.

Hadir sama, Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Kemahiran, Haji Shaari Haji Salleh, Pengarah-pengarah IKBN seluruh Malaysia dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Belia dan Sukan





VIDEO KORPORAT IKBN VERSI BAHASA MANDARIN

PUTRAJAYA, 21 Mac 2013 - “ Pelancaran video korporat IKBN versi Bahasa Mandarin adalah satu kaedah mempromosi untuk menggalakkan pelajar berbilang bangsa merebut ruang dan peluang yang ditawarkan oleh kerajaan “, ujar Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Senator Gan Ping Sieu pada Majlis Pelancaran Video Korporat IKBN versi Bahasa Mandarin di Bilik Sekretariat Pengurusan Acara, Menara Kementerian Belia dan Sukan (KBS) di sini hari ini.

Bahagian Pembangunan Kemahiran (BPK) KBS dan pelajar Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) berkerjasama dalam menghasilkan video korporat IKBN versi Bahasa Mandarin bermula awal tahun ini.

Penghasilan video tersebut adalah bagi mempromosi dan meningkatkan kemasukan pelajar kaum Cina ke IKBN. “ Pihak Kementerian telah melantik panel penasihat di kalangan bangsa Cina di setiap IKBN untuk memberi penerangan dan membantu menarik penyertaan dari kaum Cina untuk merebut peluang di semua IKBN di negara ini “, tambahnya.

Sebatro Gan kemudian menonton video berkenaan bersama-sama jemputan sebelum menyampaikan salinan video berkenaan kepada wakil-wakil Persatuan Belia Cina, Panel Penasihat untuk IKBN dan pihak-pihak yang mampu mempromosikan tawaran kemasukan ke IKBN ini..

Hadir sama di majlis pelancaran tersebut ialah Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Wan Ramli Wan Daud, Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Kemahiran, Haji Saari Salleh dan Pegawai-pegawai Kanan KBS.



KBS ANJUR KURSUS PENGUKUHAN KOMUNITI

JITRA, KEDAH, 4 MAC 2013 – Sebagai menyokong pelaksanaan aktiviti-aktiviti kesukarelaan atau volunteerism di kalangan golongan belia seperti yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 15 Julai 2012 lalu, Kementerian Belia dan Sukan menerusi Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah menganjurkan satu kursus antara kakitangan Jabatan dan IKBN dari Zon Utara bersama komuniti setempat pada 28 Februari hingga 2 Mac 2013 bertempat di Kampung Pida 4, Mukim Padang Perahu, Jitra, di sini..

Seramai 36 orang peserta terdiri daripada pegawai dan kakitangan khususnya kumpulan sokongan dan pentadbiran dari Zon Utara telah menyertai ini yang turut mendapat kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBSN) Kedah.

Dalam kursus tersebut, peserta turut berpeluang merasai pengalaman melaksanakan aktiviti-aktiviti komuniti di samping pengisian sahsiah dan psikologi.

“ Bagi melahirkan belia - belia yang bukan sahaja mempunyai kesedaran terhadap tanggungjawab sosial tetapi sanggup menghulurkan bantuan apabila diperlukan, para pegawai dan kakitangan KBS sendiri perlu mempraktikkan amalan tersebut di dalam kursus yang dianjurkan ini”, kata Setiausaha BPSM, . Wan Ramli Wan Daud yang turut turun padang untuk bersama-sama dalam aktiviti gotong – royong bersama masyarakat sekitar di Kampung. Pida 4, dekat sini.

Sebagai menghayati erti kesukarelaan, para peserta juga telah ditempatkan bersama keluarga angkat selama tiga hari bagi mengeratkan silaturahim dengan penduduk kampung tersebut serta menyertai aktiviti gotong – royong, senamrobik, sukaneka dan kuliah agama.

Majlis penutupan kursus disempurnakan ADUN Kota Siputeh, Datuk Abu Hasan Sarif,. Turut hadir bersama Pengarah JBSN Kedah, Haji . Aziz . Haji. Hamid dan wakil BPSM, Azura. Haji. Sarbin.



PERSIDANGAN BLOGGERS DUNIA DAN MEDIA SOSIAL BERSEMPENA MINGGU MEDIA SOSIAL MALAYSIA (MSMW) 2013

1 MAC 2013, KUALA LUMPUR - Persidangan Bloggers Dunia dan Media Sosial telah berlangsung pada 27 – 28 Februari 2013 bertempat di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur. Persidangan ini dianjurkan bersempena Minggu Media Sosial Malaysia 2013 (msmw2013). Seramai 44 orang penceramah jemputan dari dalam dan luar negara telah jayakan persidangan ini.

Minggu Media Sosial Malaysia (MSMW) adalah satu acara kebangsaan yang menghubungkan orang ramai, kandungan dan perbualan di sekitar trend dalam media sosial dan mudah alih. Dihantar melalui rangkaian persidangan kreatif dan distrim secara online melalui media sosial, Minggu Media Sosial Malaysia mencapai rangkaian luas, berhubung dan berkomunikasi idea serta pengalaman bagi meningkatkan pemahaman tentang peranan media sosial dalam masyarakat.

Sasaran penyertaan adalah terdiri daripada golongan eksekutif, usahawan, wartawan, blogger, pengurus jenama, strategi media sosial, pelajar, artis, aktivis teknologi dan pakar media.

Objektif penganjuran Minggu Media Sosial Malaysia adalah membina hubungan bermakna melalui pendekatan mudah, menghampiri dan menangani isu-isu generasi Y dalam cara yang tepat pada masanya.

Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak, turut meluangkan masa untuk berdialog bersama para blogger pada sebelah petang hari pertama persidangan.



BERSATU DAN PERKUKUHKAN KEYAKINAN

PUTRAJAYA, 14 MAC 2013 - Kira-kira 150 orang kakitangan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan agensi-agensinya di bawahnya hari ini telah menyertai seminar motivasi S.I.K.A.P dan program Wacana Islam Semasa : Mesej dari Gaza yang dianjurkan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), KBS di Dewan Serbaguna Menara KBS di sini hari ini.

Program motivasi S.I.K.A.P bersama penceramah Idzhar Jumali yang juga salah seorang ahli kumpulan nasyid Nowseeheart yang terkenal dengan lagu 'Damai yang hilang' itu bertujuan untuk mendedahkan kepada peserta mengenai perubahan diri bagi menuju ke arah yang lebih proaktif.

"Musuh utama manusia adalah diri sendiri dan perlu ada keyakinan untuk memperbetulkannya" ujarinya. Sebuah lagu nasyid dari penyanyi Hirwan turut di diperdengarkan semasa program itu berlangsung.

Forum bertajuk Mesej dari Gaza yang dipengerusikan, Timbalan Presiden Cakna Palestin Malaysia, Husaini Ibrahim bersama dua ahli panel, Ustaz. Wan Mohd Sharabi selaku Presiden Cakna Palestin Malaysia dan Prof Madya Dr Kamaruzzaman Yusof dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Forum tersebut mendedahkan peserta mengenai keperitan dan kejayaan yang dikecapi rakyat Palestin.

"Yakinlah pada bangsa Arab kerana apabila mereka bersatu, Israel akan menunggu untuk dikalahkan" ujar Prof Madya Dr Kamaruzzaman.

Kutipan sumbangan derma yang berjaya dikumpulkan sebanyak RM2921.10 untuk warga Palestin telah diserahkan Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), Dato' Zaidon Haji Asmuni kepada wakil Cakna Palestin Malaysia sejurus tamat program ini.

KBS DAN PPj PERKENALKAN LANGKAH CERIA @ PUTRAJAYA 2013

PUTRAJAYA, 20 Januari 2013 – Kira-kira 6000 peserta dari dalam dan luar Putrajaya menyertai Program Langkah Ceria @ Putrajaya 2013 yang diperkenalkan Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bermula di hadapan Dataran Putrajaya, Presint 3 di sini.

Program yang dijadualkan diadakan pada minggu ketiga setiap bulan bermula hari ini bakal menjadi satu lagi tarikan pengunjung di samping menjadikan Putrajaya sebagai destinasi untuk beriadah samada secara berkumpulan mahupun berkeluarga.

Para peserta dilepaskan secara berperingkat mengikut kategori iaitu 8km, 5km dan 3km. Sebagai penganjur bersama program ini, PPj berharap lebih banyak penyertaan dari segenap lapisan penduduk dan warga kerja Putrajaya di samping mendapat lebih banyak penajaan daripada pihak yang berbeza. Melalui cara ini, program bulan ini akan menjadi tarikan dari orang ramai.

Penaja utama untuk menjayakan program pertama kali ini ialah Kumpulan SP Setia Berhad yang menaja baju kemeja T, makan minum dan cabutan bertuah. Antara hadiah utama yang menarik yang menjadi rebutan peserta adalah ialah telefon mudah alih jenis Samsung Galaxy S3, basikal, peralatan elektronik dan hamper.

Presiden PPj, Tan Sri Dato' Seri (Dr) Aseh Haji Che Mat turut sama berjalan disamping melakukan upacara perasmian Prgram Langkah Ceria @ Putrajaya 2013 yang disertai oleh Pengerusi Kumpulan SP Setia Berhad, Tun Zaki Tun Azmi dan Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan SP Setia Berhad Tan Sri Lee Lam Thye.



PUSPANITA KBS

TEROKAI KEUSAHAWANAN INTERNET

PUTRAJAYA, 18 APRIL 2013 – Seramai 65 orang ahli PUSPANITA Cawangan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menyertai Seminar Keusahawanan Internet anjuran Biro IC, Seranta dan Penerbitan bertempat di Dewan Serbaguna, Podium B, Menara KBS di sini hari ini.

Seminar ini bertujuan untuk memberi pendedahan khususnya kepada para wanita untuk melibatkan diri serta meneroka peluang-peluang perniagaan melalui secara dalam talian atau keusahawanan internet dan menjadikan ia sebagai medium perniagaan mereka.

Dalam seminar ini, para peserta didedahkan kepada tujuh modul merangkumi aspek perniagaan, internet dan SMS yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, iXpert Global Group Sdn. Bhd merangkap Presiden Usahanita Siber, Syafeqah Petrus Abdullah.

“ Jikalau produk yang kita jual sudah ada di pasaran, kita perlu cari keunikan produk kita sendiri untuk membezakan ia dengan produk orang lain. Tidak perlu tool seperti ramalan kaji cuaca dan blink-blink yang akan menyebabkan kita kehilangan pelawat dalam laman web sendiri”, pesannya sebagai tips bagaimana untuk mengembangkan jaringan perniagaan disamping mengekalkan sokongan mereka terhadap produk yang dipasarkan.

Selain itu, kempen “ Like ” Facebook Puspanita KBS dan penyampaian sijil penghargaan kepada anak-anak cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) turut diadakan dalam seminar tersebut.





FIESTA TAHUN BARU CINA KBS 2013 PENUH KEJUTAN

BUKIT JALIL, 20 FEBRUARI 2013– Seramai lebih 5,000 orang tetamu membanjiri Stadium Putra Bukit Jalil sempena Fiesta Tahun Baru Cina KBS 2013 yang dianjurkan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia bersama EMCO.

Pelbagai persembahan disediakan untuk tatapan para tetamu yang hadir. Namun kali ini, tarian singa yang dipersembahkan oleh belia-belia Cina yang cukup berpengalaman membuat persembahan bukan sahaja dalam negara tetapi juga di luar negara. Pelbagai aksi yang dipersembahkan hingga membuatkan tetamu tidak berkelip mengamati satu persatu kejutan yang dibuat oleh pasukan tarian singa tersebut.

Selain tarian singa, terdapat juga persembahan Diablo, akrobatik, okestra Cina, persembahan tarian 1Malaysia dan yang merancakkan suasana adalah persembahan daripada artis terkenal Cina, Amy. Dengan vocal yang mantap dan interaksi yang cukup sporting, para tetamu terhibur dengan persembahan beliau.

Majlis Pelancaran telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek dengan pukulan 8 kali Gendang 24 Musim. Diikuti dengan persembahan istimewa daripada peserta gendang tersebut yang turut menarik perhatian tetamu.

Dikesempatan itu, YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek telah menyampaikan angpau kepada anak-anak yatim dan orang-orang tua yang dijemput khas bagi memeriahkan majlis tersebut.

Acara yang membuatkan pengunjung setia menunggu hingga ke akhir majlis adalah cabutan bertuah. Kali ini caranya yang agak unik iaitu menghantar pesanan ringkas melalui telefon bimbit masing-masing kepada nombor yang tertera di skrin. Hadiah yang telah menjadi rebutan pengunjung untuk cabutan bertuah ini adalah Ipad.

Turut hadir, YB Dato' Razali Ibrahim; Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Senator Gan Peng Sieu; Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Y.Bhg Dato' Mohid Mohamed; Ketua Setiausaha, KBS, YB Dato' Gan Tian Loo; Exco Belia dan Sukan Melaka, Saudara Maliki Mohammad Rapiee; Presiden Majlis Belia Malaysia dan Encik Kevin Tan Pei Leong, Ketua Penyelaras EMCO.

